

CONTOH UCAPJASA BIL : 1

..... bermula sebagai Jurubahasa Sukarela Pasukan Bergerak Perubatan Palang Merah British melawat kampung-kampung baru semasa keadaan darurat memuncak pada tahun 1951.

Beliau telah menghadiri empat atau lima kursus-kursus peringkat biasa dan kanan yang dianjurkan oleh Palang Merah British dan telah memainkan peranan penting dalam kursus-kursus Jurulatih dan melalui ceramah serta panduan beliau. Jurulatih-jurulatih yang wujud di Perak, Selangor, P. Pinang dan Johor merupakan bekas pelatih-pelatih beliau.

Beliau memulakan perkhidmatan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan merupakan Pegawai yang pertama memulakan skim Perintis untuk melatih yang mana telah dapat menarik perhatian lain-lain Persatuan Palang Merah semasa Forum Asia Tenggara yang diadakan di Sydney.

Melalui tahun-tahun perkhidmatan yang berharga, beliau bukan sahaja menyumbangkan perkhidmatan terhadap kemajuan pergerakan ini, bahkan beliau telah dapat membuktikan pada dirinya sebagai pegawai kebajikan semasa berlakunya banjir besar pada bulan Januari 199..... dimana beliau telah memberikan perkhidmatan kepada 7 buah kampung.

Ketaatan dan bakti yang dicurahkan oleh beliau kepada Palang Merah telah menjadikan beliau terkenal dan disenangi dalam Pergerakan Palang Merah . Atas ilham kepimpinan beliau sepanjang tahun-tahun ini, saya dengan bangganya memberikan sokongan kepada beliau untuk

CONTOH UCAP JASA BIL : 2

..... telah bersama-sama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan sejak tahun 1964. Beliau juga merupakan doktor pertama mencurahkan perkhidmatan kepada Klinik Bulan Sabit Merah Malaysia di dan telah memberikan khidmat baktinya pada masa yang lalu hinggalah kedewasa ini. Sebagai tambahan beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai di Cawangan

Bila mana Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bersungguh-sungguh memikirkan untuk mengambilalih untuk Negara, ia mestilah memainkan peranan berkesan dalam kerja-kerja penyiasatan yang difikirkan perlu sebelum satu rancangan yang lengkap dapat dikemukakan kepada pihak yang berkenaan.

Pada kursus tahun ini, beliau telah pergi ke Bangkok bagi mempelajari Palang Merah Thailand dan kembalinya beliau telah menyediakan laporan lengkap mengenai cadangan-cadangan rangka kerja persatuan.

Sepanjang tahun, beliau adalah merupakan satu tonggak kekuatan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Peninggalan beliau dari Malaysia akan menimbulkan kekosongan dan amatlah sukar di cari ganti.